

25 OCT 1999

PERSATUAN PENYIAR LANCAR ALBUM PATRIOTIK

KUALA LUMPUR, 25 Okt (Bernama) -- Persatuan Penyiar Kebangsaan (Penyiar) akan menganjurkan majlis jamuan malam dan pelancaran album mengandungi lagu-lagu patriotik yang ditujukan khas kepada pemimpin-pemimpin negara pada 8 Nov ini.

Presidennya Mazlan Abdul Hamid berkata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan melancarkan album yang mengandungi 12 buah lagu itu manakala Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob bersetuju menjadi penaung acara berkenaan.

Katanya album "Balada Seorang Pejuang" ditujukan kepada pemimpin negara terutama Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana sumbangannya kepada pembangunan negara.

Mazlan berharap orang ramai dan penaja tidak terkeliru dengan acara "Majlis Setia Bersama Pemimpin" yang dianjurkan oleh Kesatuan Anggota-anggota Jabatan Penerangan.

"Berlaku banyak kekeliruan dengan acara yang dianjurkan oleh kesatuan. Kami bukan sebahagian daripada Kementerian Penerangan dan acara yang kami anjurkan mendapat persetujuan Khalil," katanya di sini hari ini.

Minggu lepas setiausaha akhbar Khalil, Zukri Valentino memberitahu pemberita bahawa menteri itu tidak memberi persetujuan menjadi penaung bagi "Majlis Setia Bersama Pemimpin" yang dijadualkan pada 4 Dis.

Menteri juga mengarahkan kesatuan itu memberhentikan kutipan derma menggunakan namanya.

-- BERNAMA  
AR LAT MAI